

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	PARLIMEN: Sokong tak goyah	Harian Metro
2	Taufan Koppu burukkan keadaan	Utusan Malaysia
3	More schools ordered to close	The Sun
4	Jerebu dijangka bertambah teruk	Utusan Malaysia
5	Ribut Koppu, Champi punca jerebu kembali teruk	Kosmo
6	Titik panas semakin bertambah	Berita Harian
7	PM nasihat rakyat dapatkan rawatan	Berita Harian
8	Klik pilihan	Sinar Harian
9	No end soon to the haze	The Star
10	Flights at Tawau airport back to normal	The Star
11	Weak 3.4 quake shakes Ranau	Malay Mail
12	Jerebu kembali teruk kerana ribut tropika koppu dan champi	Bernama.com
13	Ketampakan rendah kurang 3km berterusan sehingga khamis	Bernama.com
14	Gempa bumi lemah landa Ranau, Sabah. Gegaran dirasai	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 22 A
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)**

PARLIMEN

Sokong tak goyah

Oleh Mohd Nasif Badruddin
dan Hairulazim Mahmud
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Saya akan terus berkhidmat sebagai Ahli Parlimen yang menyokong kerajaan," tegas Ahli Parlimen Pagoh Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau menegaskan, perubahan kedudukan kerusi di Dewan Rakyat tidak menjelaskan semangatnya untuk terus berkhidmat memainkan peranan sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN).

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu bercakap kepada media di lobi Parlimen pada hari pertama persidangan, disini, semalam, ketika mengulas perubahan tempat duduk beberapa Ahli Parlimen BN dan pembangkang berikutan rentetan peristiwa dalam senario politik kebelakangan ini.

Sementara itu, bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang juga Naib Presiden UMNO Datuk Seri Mohd Shafie Apdal pula berbincang, perubahan kedudukannya dari Blok A ke Blok E tidak menjelaskan tugasnya sebagai wakil rakyat.

"Sebagai seorang wakil rakyat, tugas utama kita adalah untuk menyampaikan suara akar umbi bagi memastikan kesinambungan pembangunan dan kemajuan negara diteruskan," katanya.

Bagi Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam pula, senario itu adalah perkara biasa di dalam politik apabila tempat duduk mereka berubah bergantung kepada kedudukan dalam parti.

"Apabila ada perubahan dalam perkara ini sama ada



MUHYIDDIN



MOHD Shafie

di pihak kerajaan atau pembangkang, perubahan tempat ini akan berlaku dan ia bukan luar biasa," katanya.

Kedudukan tempat duduk Ahli Parlimen berubah berikutan pengguguran lima anggota Parlimen BN daripada Kabinet pada rombakan 28 Julai lalu.

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mengangkat Muhyiddin sebagai Timbalan Perdana Menteri kini ditempatkan di barisan pertama Blok A sebelah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, manakala Muhyiddin diletakkan di barisan pertama Blok E bersama Tengku Razaleigh Hamzah dan Tan Sri Joseph Pairin Kittingan.

Turut ditempatkan di Blok E ialah Mohd Shafie, bekas Presiden MIC dan bekas Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel, bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek dan bekas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.

Tempat Palanivel sebelum ini di Blok A, diganti oleh Presiden MIC baharu, Datuk Seri Dr S Subramaniam, yang

juga Menteri Kesihatan.

Sementara kedudukan kerusi barisan menteri yang baru dilantik turut berubah termasuk Datuk Hamzah Zainudin (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan) dan Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar).

Datuk Seri Mahdzir Khalid (Menteri Pendidikan), Datuk Wilfred Madius Tangau (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi), Datuk Seri Azalina Othman Said (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan Datuk Seri Ong Ka Chuan (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II).

Kedudukan anggota Parlimen PAS yang diketuai Presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang kini berubah dari Blok I ke Blok G dan ada yang di Blok F.

Sebelum ini, ketika bersama pakatan pembangkang, Abdul Hadi berserta beberapa pemimpin parti itu diletakkan bersama dengan kepimpinan parti PKR dan DAP di Blok I mengikut rajah tempat duduk ahli Dewan Rakyat yang dimuatkan dalam laman web Parlimen Malaysia www.parlimen.gov.my.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)**

Taufan Koppu burukkan keadaan

PUTRAJAYA 19 Okt. -

Keadaan jerebu di negara ini dijangka berterusan berikutan taufan Koppu yang melanda timur laut Filipina telah membawa tiupan angin barat daya bersama asap dari kawasan kebakaran di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, ekoran taufan itu juga fenomena ribut petir dan hujan lebat yang kerap berlaku, tidak mampu mengurangkan kesan jerebu di negara ini.

“Kehadiran taufan Koppu dengan pergerakan hampir pegun di wilayah Filipina itu sangat mempengaruhi corak tiupan angin di kawasan serantau negara ini.

“Akibatnya hujan dijangka berkurangan dengan angin kuat dari arah barat daya dan ia telah menyebabkan negara mengalami jerebu rentas sempadan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

More schools ordered to close

> Typhoon Koppu blamed for worsening haze

BY AMAR SHAH MOHSEN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The haze situation took a turn for the worse yesterday with at least 18 areas nationwide recording an unhealthy reading on the Air Pollutant Index (API).

Seremban topped the list with an API reading of 178 as of 10pm, followed by Batu Muda, Kuala Lumpur (171); Port Klang (153), Banting (151), Shah Alam (145), Selangor; Putrajaya (140); Port Dickson (140), Nilai (139), Negri Sembilan; Bukit Rambai, Malacca (137); Tawau, Sabah (136) and Malacca City (130).

Following the worsening haze situation, the Education Ministry has ordered all schools in Malacca, Negri Sembilan, Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur, Kuching, Samarahan, Tawau, Lahad Datu, Semporna and Kunak to be closed today.

In a statement yesterday, the ministry said the school closures will involve 3,029 schools, with almost two million students affected.

"Respective state education departments, district education offices and the school managements in other areas also need to monitor the API readings from time to time.

"If the air quality continues to deteriorate and reaches the unhealthy or very unhealthy levels, the respective quarters can take action themselves," the statement added.

API READINGS AT 10PM YESTERDAY

Seremban, Negri Sembilan	178
Batu Muda, Kuala Lumpur	171
Port Klang, Selangor	153
Banting, Selangor	151
Shah Alam, Selangor	145
Putrajaya	140
Port Dickson, Negri Sembilan	140
Nilai, Negri Sembilan	139
Bukit Rambai, Malacca	137
Tawau, Sabah	136

API STATUS

API	STATUS	
0-50	Good	
51-100	Moderate	
101-200	Unhealthy	Schools to reduce all outdoor activities. High risk groups such as the elderly, children and those with respiratory problems to stay indoors.
201-300	Very Unhealthy	Schools to stop all outdoor activities.
> 301	Hazardous	All schools to be closed.

Meanwhile, Science Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau attributed the current smog enveloping the country to Typhoon Koppu in the northeast of Manila, Philippines.

Madius said the typhoon has affected the wind pattern in the region, causing the haze that the country is experiencing currently.

"The haze situation is also expected to go on for some time because of the southwest wind that carries the smog from Sumatra and Kalimantan, Indonesia.

"Even frequent heavy rains and thunderstorms that appear mainly in the evening nationwide won't be able to reduce the haze that we are experiencing now because of the windy weather," he said in a statement yesterday.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)**

Jerebu dijangka bertambah teruk

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Krisis jerebu yang melanda negara diramalkan bertambah buruk sehingga November ini berikutan pembakaran terbuka masih berlaku di Sumatera, Indonesia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, bantuan daripada Malaysia juga masih tidak berkesan kerana pembakaran berlaku terlalu besar.

Menurut beliau, setakat ini tiada tanda-tanda jerebu akan berkuranngan dan pihak kementerian mengambil pendekatan terbaik bagi mengurangkan masalah tersebut.

"Angin Monsun Timur Laut diramalkan tiba pada bulan depan dan itu akan membantu mengurangkan jerebu dan masalah tersebut juga dijangka berakhir," katanya kepada *Utusan Malaysia* menerusi akaun

Facebook di sini hari ini.

Masalah jerebu yang melanda negara sejak kebelakangan ini menunjukkan peningkatan mendadak apabila 14 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat semalam.

Malah hari ini, semua sekolah di Melaka, Negeri Sembilan, Putrajaya, Selangor, Kuala Lumpur, Tawau di Sabah serta Kuching dan Samarahan di Sarawak terpaksa ditutup lagi akibat krisis jerebu yang seakan tiada berkesudahan.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata, proses pemberian awan akan dilakukan pada bila-bila masa sekiranya masalah jerebu semakin kritikal.

Kementerian mempunyai peralatan, tenaga kerja dan peruntukan yang mencukupi untuk melakukan proses tersebut dan Jabatan Mete-

orologi juga tidak perlu merujuk kepada mana-mana pihak untuk melakukan pemberian awan.

"Pemberian awan merupakan satu-satunya teknologi yang kita ada di Malaysia dan ia amat penting serta berkesan untuk mengurangkan jerebu," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gaya Ismail berkata, negara hanya akan bebas daripada masalah jerebu rentas sempadan apabila tiada lagi ribut tropika di rantau ini.

"Ribut tersebut mempengaruhi corak tiupan angin dan menyebabkan cuaca kering, jadi menyebabkan negara mengalami masalah jerebu.

"Namun, apabila bermulanya musim tengkujuh awal November nanti, masalah jerebu akan berkurang dan mungkin berakhir," katanya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (MALAYSIA DILANDA JEREBU) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)

Keadaan berjerebu dijangka sehingga Sabtu ini

Ribut Koppu, Champi punca jerebu kembali teruk

Oleh NURUL NAFISAH MAZLAN

KUALA LUMPUR — Keadaan jerebu di negara ini kembali teruk akibat perubahan corak tiupan angin yang berpunca daripada dua ribut tropika iaitu Koppu dan Champi di Luzon, Filipina.

Tiupan angin itu telah menyebabkan cuaca menjadi lebih kering dan berangin sehingga membawa kembali jerebu dari Sumatera dan Kalimantan, Indonesia ke negara ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah berkata, ribut tropika ini boleh menyebabkan angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam di kawasan perairan Laut China Selatan, Sabah dan Labuan.

Menurut beliau, berdasarkan faktor-faktor itu dijangkakan keadaan jerebu akan berterusan sehingga 24 Oktober ini.

"Taburan hujan pula dijangka berkurangan kerana kawasan sekitar negara kita akan dipengaruhi oleh tiupan angin Barat Daya dengan kelajuan yang sederhana.

"Tiupan angin ini akan mula



ORANG ramai dinasihatkan memakai penutup mulut dan hidung ketika melakukan aktiviti luar berikutan keadaan jerebu yang belum pulih.

Najib Razak
1 hr

Keadaan jerebu agak teruk hari ini di beberapa kawasan. Kanak-kanak, orang tua dan juga pesakit tetan perlu ambil langkah berjaga-jaga. Segera dapatkan bantuan di klinik atau hospital kerajaan berdekatan sekiranya perlu.

Untuk maklumat terkini mengenai kualiti udara, layari laman <http://apims.doe.gov.my/2/table.html>

apims.doe.gov.my

KENYATAAN Perdana Menteri menerusi laman Facebooknya semalam mengenai jerebu.

berkurang apabila bermulanya musim tengkujuh pada awal November nanti," katanya dalam

satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, taburan hujan yang diterima tidak boleh menghilangkan keadaan berjerebu yang dialami sekarang sekiranya punca kebakaran terbuka yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan tidak dipadamkan sepenuhnya.

Dalam pada itu, menerusi laman web rasmi jabatan tersebut, setakat pukul 1 petang semalam sebanyak 18 ka-

wasan mencatatkan IPU tidak sihat dengan bacaan tertinggi di Seremban iaitu 198 manakala Banting, Selangor dan Batu Muda mencatatkan 164.

Selain itu, Muar mencatatkan bacaan IPU 135, Bandaraya Melaka (156), Nilai (160) Port Dickson (154), Tawau (159), Pelabuhan Klang (144), Petaling Jaya (156), Cheras (131) dan Putrajaya (152).

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai kualiti udara menerusi laman web apims.doe.gov.my.

Dalam pada itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menasihatkan orang ramai yang mempunyai masalah kesihatan supaya segera mendapatkan rawatan berikutkan keadaan jerebu yang agak teruk.

"Keadaan jerebu agak teruk hari ini di beberapa kawasan. Kanak-kanak, orang tua dan pesakit lelah perlu ambil langkah berjaga-jaga.

"Segera dapatkan bantuan di klinik atau hospital kerajaan berdekatan sekiranya perlu," katanya dalam catatan terkini beliau di laman Facebooknya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)



Titik panas semakin bertambah

Oleh: **Mohd Azzroni Sarabatin, Mohd Izham Unni, Abdulrahman, Ifwan Tun Tuah, Suhaila Shahrul Annur, Muhamad Amirul Faiz Ahmad, Hazwan Faisal Mohamad, Fitri Nizam, Wan Nur Faliquha Wan Hazani, Ayusiliza Azizan, Abdul Rahemang Taiming, Mohd Nazlillie Zainul dan Nurul Aniqah Sazale** • Foto: **Mohd Radzi Bujang, Ahmad Irham Mohd Noor, Roslin Mat Tahir, Ghazali Kori dan Salfhani Ibrahim**
bhnews@bh.com.my

» *Jerebu landa Asia Tenggara kian teruk akibat kebakaran di Indonesia belum padam*

Kuala Lumpur

Kebakaran hutan di Indonesia yang menyebabkan seluruh Asia Tenggara diselimuti jerebu yang mula merebak ke kawasan baharu, tidak mungkin dapat dipadamkan sepenuhnya sehingga tahun depan.

Setakat ini, republik itu masih gagal memadamkan kebakaran

ketika titik panas pula mula bertambah, terutama di kawasan timur negara berkenaan. Pihak berkusa industri dan penganalisis menjangka jerebu bakal berterusan sehingga awal tahun 2016.

Antara negeri di negara kita yang terjejas ialah Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur, Sarawak (Kuching dan Samarahan), Sabah (Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kunak) serta Johor (Muar, Ledang dan Segamat).

Berikutnya itu, semua sekolah di negeri dan daerah berkenaan diaruh tutup hari ini.

16 kawasan catat IPU tak sihat

Setakat petang semalam, **16** kawasan mencatatkan Indeks Pencairan Udara (IPU) tidak sihat, tertinggi Seremban iaitu 193; Batu Muda, Kuala Lumpur (165), Sari弄 (162), Nilai (155), Putrajaya (154), Tawau, Bukit Rambai dan Port Dickson (152) dan Bandaraya Melaka (151).

Di Jakarta, agensi berita Reuters melaporkan, Indonesia mula tertekan ketika beberapa negara jiran mendesak agar menyelesaikan krisis jerebu yang berulang setiap tahun disebabkan amalan tebang dan bakar kawasan pertanian secara meluas di Sumatera dan Kalimantan.

Penyelidik Pusat Penyelidikan Perhutanan Antarabangsa, Harry Purnomo, berkata kemungkinan besar jerebu berasal dari luar sehingga perlu dilakukan tindakan tambahan lagi apabila titik panas mula merebak ke Papua, wilayah yang selalu mengelak daripada pembakaran secara meluas.

"Perkara ini berlaku kerana orang ramai membuka kawasan pertanian baharu seperti ladang kelapa sawit," katanya, manakala seorang pegawai syarikat yang aktif di kawasan hutan Indonesia pula berkata, jerebu boleh berterusan sehingga Mac tahun depan.

Sementara itu, satelit Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Negara (NASA) mengesahkan 1,729 amaran kebakaran Rabu lalu. Kira-kira separuh daripada kebakaran minggu lalu berlaku di kawasan tanah gambut yang kaya dengan karbon, kebanyakannya di Sumatera Selatan, Kalimantan Tengah

Shah Alam

dan Selatan, Sulawesi dan Papua.

Di **Putrajaya**, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, dalam satu kenyataan, berkata jerebu kembali teruk sejak beberapa hari lalu berikutan dua ribut tropika, Koppu dan Champi yang aktif di Lautan Pasifik dan mempengaruhi corak tiupan angin di Kawasan serantau.

Tiupan angin dari arah Barat Daya masih berlaku dan membawa pencemaran jerebu merentas sempadan dari Sumatera dan Kalimantan. Ia menyebabkan status kualiti udara di beberapa kawasan di negara ini pada tahap tidak sihat dan fe-

nomena berkenaan dijangka berterusan sehingga Sabtu ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorolog Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, ketika dihubungi semalam, berkata keadaan hanya akan pulih sepenuhnya apabila tiada lagi ribut tropika yang boleh mempengaruhi corak tiupan angin.

"Jerebu dijangka berakhir pada awal November ketika negara di landa monsun," katanya sambil menambah, MetMalaysia bersedia melakukan proses pembenihan awan sekiranya paras bacaan IPU kekal pada tahap tidak sihat selama 72 jam.

Kuala Lumpur



SAMBUNGAN...

BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 15

TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)



Pelajar Kolej Vokasional Setapak, Kuala Lumpur yang menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia memakai topeng ekoran jerebu yang melanda ibu negara, semalam.

PM nasihat rakyat dapatkan rawatan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menasihatkan orang ramai, terutama kanak-kanak, warga tua serta pesakit lelah agar segera mendapatkan rawatan jika perlu dalam keadaan jerebu yang agak teruk ketika ini.


"Kedua-dua jerebu agak teruk. Kanak-kanak, orang tua dan pesakit lelah perlu ambil langkah berjaga-jaga. Dapatkan bantuan di klinik berdekatan sekiranya perlu," kata Perdana Menteri menerusi laman Facebooknya, semalam.

Najib turut berkongsi perasaan ibu bapa yang kecawa dengan penutupan sekolah akibat jerebu yang mengganggu sesi pembelajaran anak-anak mereka, namun berharap semua pihak memahami keputusan kerajaan yang mengutamakan kesihatan kanak-kanak berkenaan.

Ibu negara dilanda jerebu teruk serta jarak penglihatan terhad tengah hari semalam.

INFO

Maklumat jerebu 18 Oktober 2015



Jejas kedatangan pelancong

Kuala Lumpur: Jerebu yang kembali melanda negara sejak kelmarin turut menjadikan kunjungan pelancong dan memberi kesan terhadap kesihatan orang ramai.

Tinjauan BH sekitar ibu negara semalam mendapati tidak ramai pelancong bersiar-siar di tempat tumpuan seperti selau, manakala beberapa warga kota yang dijumpai pula mengaku, kesihatan mereka terjejas sehari dua ini.

Pemandu pelancong, Mohd Ridzuan Sulaiman, 51, berkata jerebu memang banyak memberi kesan pada sektor pelancongan di negara ini dengan ramai pelancong membatalkan percutian pada saat akhir apabila keadaan bertambah teruk.

Pekerja swasta, Anis Najwa Rahim, 26, berkata jerebu yang kembali melanda negara memberi kesan kepada kesihatannya serta anak yang turut menghadapi penyakit lelah sehingga terpaksa dimasukkan ke hospital.

Dalam perkembangan berikut, tinjauan BH ke beberapa sekolah di sini mendapati pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Kolej Vokasional, tetapi hadir ke sekolah dengan menggunakan topeng pelindung pernafasan.

Sementara itu, Pengurusan Besar Persatuan Nelayan Kebangsaan, Norizaman Ghazali, berkata kebanyakan nelayan tetap ke laut seperti biasa kerana sekarang waktunya terbaik untuk menangkap ikan, namun ada juga tidak meneruskan aktiviti itu ketika jerebu dan bergantung kepada eluan RM300 sebulan daripada kerajaan.

Di Pelabuhan Klang, tinjauan di terminal feri ke Indonesia dan Pulau Ketam semalam, mendapati perkhidmatan berkenaan, termasuk ke Indonesia beroperasi seperti biasa, namun kebanyakannya jadual ketibaan mengalami kelewatan, termasuk sehingga kira-kira lima jam.

Pantai tak dikunjungi
Di Kuala Terengganu, tinjauan BH di kawasan tumpuan ramai sekitar daerah ini, terutama Pantai Batu Buruk dan Kampung Cina, selain Pantai Kelulut di Marang mendapati ia sepi tanpa kunjungan akibat jerebu yang kian teruk.

Di Melaka, EXCO Pengangkutan dan Perniagaan Projek negeri, Datuk Lim Bang Hong, berkata Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) di Batu Berendam beroperasi seperti biasa kerana jarak penglihatan masih pada paras selamat.

Di Port Dickson, lebih 400 negayan daerah itu terpaksa bergantung kepada peranti GPS sebagai panduan untuk menangkap ikan di laut ketika jerebu kerana jarak penglihatan terhad menyebabkan nelayan mudah sesat jika mengenduri bot menggunakan pandangan mata kasar semata-mata.

Di Tawau, operasi penerangan di Lapangan Terbang Tawau kembali seperti sedia kala semalam selepas jarak ketampakan meningkat sehingga kira-kira tiga kilometer berbanding kurang satu kilometer kelmarin dan pagi semalam. Selain Tawau, jerebu turut melanda Kunak, Seporna dan Lahad Datu.



KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (DARI UTARA) : MUKA SURAT 49
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)

KLiK pilihan



JEREBU Sebuah bot luncur dan feri Pulau Pinang nampak kabur akibat diselubungi jerebu yang agak tebal semalam. Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada pukul 1 petang menunjukkan paras 69 di kawasan Prai, Seberang Jaya, 84, dan di Universiti Sains Malaysia (USM) di bahagian pulau, 77. Ketiga-tiga bacaan ini mengikut sukanan Jabatan Meteorologi adalah sederhana.

No end soon to the haze

South-East Asia may suffer for months as forest fires spread

KUALA LUMPUR: Schools open one day and closed the next, an increasing number of respiratory ailments and uncertainty over whether planes will be grounded or can take off could become the norm over the next five months with the unrelenting haze.

Experts say the forest fires in Indonesia, which have caused choking smoke to drift across South-East Asia, are spreading to new areas and are unlikely to be put out until next year, *Reuters* reported yesterday.

Despite pressure from Indonesia's neighbours, hotspots are growing in eastern parts of the country and industry officials and analysts estimate that the smoke will last until early next year.

"Maybe it will last until December

and January," said Herry Purnomo, a scientist at the Centre for International Forestry Research headquartered in Bogor, Indonesia.

He added that the hotspots had reached Papua, a region that usually avoids widespread fires.

"It is because people are opening new agriculture areas like oil palm," he said.

A senior official at a company active in Indonesia's forested areas said the haze could continue until March.

Indonesia usually enters its wet season in October and November, but this year the country is expected to face moderate El Nino dry conditions, which could strengthen until December and hinder efforts to control the fires.

Indonesia's national disaster management agency has made several forecasts for when the forest fires will be brought under control, many of which have now passed, but their latest target date is early next month.

Speaking to reporters at the Parliament lobby yesterday, Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said human intervention was not enough to quell the raging forest fires in Sumatra and Kalimantan.

"Initially, we thought the winds from South China Sea would be stronger this week and stop the smog from affecting Malaysia, but the wind patterns changed with Typhoon Champi and Typhoon Koppu recently."

"This caused the wind pressure from South China Sea to drop, hence the haze is still affecting us."

Dr Wan Junaidi said Indonesia's foreign minister reached out to him yesterday, asking to use Malaysia's plane - which is equipped with water-bombing facilities to help put out forest fires - for a longer period.

Even so, the fires have yet to be completely extinguished and the smog is still heading towards Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak, he added.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said that with the increase in hotspots in Indonesia, the frequent rainfall in the evenings throughout Malaysia have not been enough to reduce the haze.

Flights at Tawau airport back to normal

KOTA KINABALU: Flight operations in and out of Sabah's south western Tawau airport returned to normal though thick haze conditions kept schools in the district closed.

Tawau airport manager Yakub Abu Bakar said that air traffic operations were not disrupted as visibility improved from less than a kilometre early yesterday to three kilometres.

"We are still on alert as situation might change," he said, adding that the poor visibility had disrupted flight operations on Sunday.

Tawau, which borders Indonesia's Kalimantan in Borneo, saw the unhealthy air pollutant index hovering at 165 with little signs of lifting on yesterday as 198 schools closed.

Sabah Education director Datuk Jame Alip said some 112,000 students and 9,623 teachers were affected by the closure of the schools that not only involved Tawau but also neighbouring districts of Semporna, Kunak and Lahad Datu.

Heavy rains and strong winds over west coast Sabah during the weekend also brought back hazy conditions in the city here and Labuan.

A Meteorological Services Department spokesman said that the visibility in Labuan was 5km while in Kota Kinabalu it was 8km at noon. Other areas including Sandakan and Kudat were above 10km, the spokesman said, adding that the haze was being blown into the area due to the current south westerly winds.

There were over 150 hotspots in the Kalimantan area.

Meanwhile, the haze is causing



No relief yet: A thick haze still covering Tawau town.

Malaysians to spend more on supplements and herbal remedies.

Richard Lian and Josephine Woon sacrificed their favourite coffee routine as they were getting a sore throat from going out in the haze.

Woon, who suffers from sinus problems, and her husband Lian are now trying to fortify their immune system with vitamin supplements. Chamomile honey tea and herbal tea.

The couple, who own a fruit shop, said they had to take supplements and tea as they had to go outside the house every day to collect fruits for their business.

They added that there was an increased demand for lemons from their customers. Lemons are also said to help those who have phlegm.

Student Nicole Ng, 19, has asthma and is forced to stay indoors most of the time and keep the windows shut

and doors closed because of the haze. "My mom boiled *leung cha* (herbal tea) for my body to cool down.

"I also turn on the air conditioner to make sure I do not get an asthma attack in my own home," said Ng who's not missing classes right now because she is on her semester break.

Grocery shop assistant Parimala Verasamy, 36, has visited the pharmacy three times this month because of the haze.

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 07
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)

Weak 3.4 quake shakes Ranau

KUALA LUMPUR — A weak earthquake measuring 3.4 occurred at 9.17pm in Ranau, Sabah, yesterday, according to the Meteorological Department.

The department said tremors were felt in the district.

Another moderate quake measuring 5.5 was detected in Mindoro in the Philippines, 184km northwest of San Hose, and 883km northeast of Kudat, Sabah, at 9.50pm.

Both incidents posed no tsunami threat to Malaysia, the department added in a statement.

— Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)



Jerebu Kembali Teruk Kerana Ribut Tropika Koppu Dan Champi



Datuk Che Gayah Ismail

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Keadaan berjerebu yang kembali teruk sejak beberapa hari lepas adalah disebabkan kehadiran ribut tropika Koppu dan Champi di Filipina yang mempengaruhi corak tiupan angin di rantau ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail berkata keadaan itu menyebabkan angin yang bertiup lemah dari pelbagai hala sebelum ini, kembali bertiup dengan kelajuan sederhana dari arah barat daya yang membawa bersama jerebu dari kawasan kebakaran di Sumatera, Indonesia ke Semenanjung Malaysia, manakala jerebu dari kawasan kebakaran Selatan Kalimantan pula ke Sarawak.

Keadaan jerebu rentas sempadan yang melanda negara kini dijangka berakhir sekiranya tiada lagi ribut tropika yang boleh mempengaruhi corak tiupan angin dan menyebabkan cuaca kering atau apabila bermulanya musim tengkujuh awal November ini, katanya kepada Bernama di sini hari ini



Cik Gayah berkata memandangkan jarak ketampakan kini seperti memandu di dalam hujan yang sederhana, para pemandu perlu sentiasa berhati-hati.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Datuk Halimah Hassan pula berkata portal apims.doe.gov.my tergendahala dari pagi tadi sehingga 1 tengah hari adalah kerana jumlah pengunjung yang meningkat dengan 3,000 pengunjung dalam masa tiga minit.

Orang ramai boleh hubungi bilik kawalan JAS di 1800882727 jika portal itu tergendala lagi untuk maklumat mengenai jerebu, katanya.



Beliau turut menasihati orang ramai supaya mengurangkan aktiviti di luar dan jika terpaksa keluar rumah, pemakaian topeng harus dilakukan sebagai langkah mengelakkan terkena penyakit akibat jerebu.

Setakat 5 petang ini, 17 kawasan mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat dengan Seremban masih mencatatkan IPU tertinggi iaitu 194 diikuti Batu Muda, Kuala Lumpur (165); Banting, Selangor (164); Tawau, Sabah dan Nilai, Negeri Sembilan (masing-masing 157).

Kawasan lain termasuk Bukit Rambai, Bandaraya Melaka dan Putrajaya masing-masing 154.

Sebanyak 26 kawasan lagi mencatatkan IPU sederhana termasuk Kota Tinggi, Pasir Gudang di Johor, Alor Setar dan Langkawi di Kedah, Jalan Tasek, Ipoh dan Seri Manjung di Perak, Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang, Bintulu dan Samarahan di Sarawak serta Kuala Terengganu.

Tujuh lagi kawasan dilaporkan baik setakat ini antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Chat, Kota Bharu dan Tanah Merah di Kelantan, Keningau dan Sandakan di Sabah, Institut Latihan Perindustrian Miri dan Limbang di Sarawak serta Labuan.

Bacaan IPU antara 0 dan 50 dikategori sebagai baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (bahaya).

Orang ramai boleh merujuk portal <http://apims.doe.gov.my> untuk mengetahui bacaan IPU semasa.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)



Ketampakan Rendah Kurang 3km Berterusan Sehingga Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Ketampakan rendah kurang daripada tiga kilometer di sekitar perairan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kuching dan Tawau dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Perairan berkenaan termasuk dalam 17 kawasan yang mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat melebihi 101, setakat 8 pagi tadi.

Menurut kenyataan [**Jabatan Meteorologi Malaysia**](#), keadaan itu berbahaya kepada kapal-kapal yang tidak dilengkapi alat navigasi kapal.

Keadaan sama turut berlaku di perairan Selat Melaka, Tioman, Bunguran, Kuching dan Sulawesi.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 20 OKTOBER 2015 (SELASA)



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau, Sabah, Gegaran Dirasai

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Gempa bumi lemah berlaku di Ranau, Sabah malam ini dan gegaran turut dirasai, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Menurut kenyataan MetMalaysia hari ini gempa bumi berukuran 3.4 pada skala Richter berlaku pada 9.17 malam.

Sementara itu satu lagi gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter dikesan berlaku di Mindoro, Filipina, kira-kira 184km barat laut San Hose dan 883 timur laut Kudat, Sabah pada 9.50 malam.

Tiada ancaman tsunami kepada Malaysia, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA